

NO SOALAN :165

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pelaburan di luar negara bagi setiap syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (termasuk MoF Inc, KWSP, KWAP, LTH, LTAT, Khazanah, dan PNB) dari tahun 2008 hingga 2017 iaitu :-

- (a) pecahan pelaburan mengikut negara dan sektor serta nisbah berbanding pelaburan tempatan ; dan
- (b) kadar pulangan berbanding pelaburan tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik dan nisbah pelaburan di luar negara bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan adalah seperti berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>Pelaburan Dalam Negara (RM Juta)</b>	<b>Pelaburan Luar Negara (RM Juta)</b>	<b>Nisbah Pelaburan Dalam Negara Berbanding Luar Negara</b>
<b>2008</b>	28,894	28,743	50 : 50
<b>2009</b>	33,494	28,355	54 : 46
<b>2010</b>	31,527	22,734	58 : 42
<b>2011</b>	53,574	43,040	55 : 45
<b>2012</b>	50,443	24,290	67 : 33
<b>2013</b>	44,738	36,621	55 : 45
<b>2014</b>	52,174	34,506	60 : 40
<b>2015</b>	45,446	40,940	53 : 47
<b>2016</b>	50,739	21,186	70 : 30
<b>2017</b>	24,821	10,597	70 : 30
<b>Jumlah</b>	<b>415,850</b>	<b>291,012</b>	<b>59 : 41</b>

Pelaburan luar negara syarikat MKD merangkumi negara-negara seperti China, Amerika Syarikat, Kanada, Iraq, Australia, Azerbaijan, India, Singapura, Indonesia, Eropah, Timur Tengah, Turki dan Filipina. Manakala sektor yang dilaburkan termasuk sektor minyak dan gas, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, pembangunan teknologi maklumat dan telekomunikasi (*Information and Communication Technology, ICT*), pengguna (*consumer*), inovasi, hartanah dan sains hayat.

Kadar pulangan pelaburan luar negara adalah berbeza bagi setiap syarikat, antaranya kadar pulangan adalah bergantung pada kadar pertukaran mata wang asing, faktor geopolitik, keadaan ekonomi global, prestasi sesebuah projek serta faktor-faktor lain. Bagi syarikat yang terlibat dengan sektor minyak dan gas, kadar pulangan adalah selaras dengan kadar prestasi industri minyak dan gas semasa. Terdapat juga pelaburan yang masih belum dimonetize dan syarikat yang diberi mandat supaya kadar pulangan adalah 8% bagi pelaburan dalam negara dan 15% bagi pelaburan luar negara.